

# Engggan raya kerja karut

Oleh  
**AHMAD PUAD ONAH**

**PENDANG, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan golongan tertentu menyambut Hari Raya Aidiladha hari ini dan bukan semalam seperti mana disambut oleh umat Islam lain di negara ini sebagai perbuatan karut.

Perdana Menteri kesal pelbagai ajaran karut merebak dengan luas di negara ini dan meminta guru-guru agama memberi nasihat serta ajaran-ajaran Islam yang sebenar kepada umat Islam bagi mengelakkan kekeliruan.

"Saya rasa dukacita pada zaman moden ini semakin ramai orang yang lebih pandai daripada biasa.

"Ada tempat-tempat orang tidak menyambut Hari Raya Aidiladha semalam (Jumaat) kononnya kerana matahari naik empat jam lebih lewat di negara Arab dari di negara ini," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, amalan karut itu berlaku kerana golongan itu baru sahaja mengetahui matahari naik tidak sama antara satu negeri dengan negeri yang lain.

"Oleh itu mereka membuat tafsiran

baru kononnya pagi hari raya bermula jam 12 tengah hari kerana di negara Arab matahari naik empat jam lebih lewat dari di sini.

"Perkara yang mengarut seperti ini nampaknya begitu merebak sekali, saya harap tok-tok guru akan memberi nasihat dan ajaran agama Islam supaya tidak lagi ada kekeliruan begini," tambahnya ketika berucap di majlis kenduri korban di Kampung Paya Kerchut, dekat sini hari ini.

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir membuat korban seekor lembu manakala Ahli Parlimen Pendang, Encik Osman Abdul mengorbankan dua ekor lembu.

## Nasihat dan ajaran

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Ahli Dewan Negeri kawasan Air Putih, Puan Fatimah Ismail dan Ketua Umno Bahagian Pendang, Datuk Haji Shaari Abu Bakar.

Perdana Menteri berharap umat Islam melupakan segala permusuhan sesama sendiri supaya mereka dapat menyambut Hari Raya Haji dalam keadaan muhibah, tenang dan penuh persaudaraan.

"Kita patut sedar akan nasib baik kita dapat beraya dalam keadaan aman dan tenang serta membuat korban tanpa gangguan daripada sesiapa," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta umat Islam yang mencemarkan agama supaya membuat pengakuan dan membersihkan semula nama Al-

lah.

"Dalam pilihanraya baru-baru ini kita melihat beberapa perkara yang sepatutnya tidak berlaku. Antara perkara yang menyedihkan kita umat Islam ialah pencemaran agama Islam dan nama Allah s.w.t.

"Janganlah kita babitkan nama Allah dalam kegiatan kita yang sebenarnya berasas kepada keduniaan dan kehendak kita kepada sesuatu dalam dunia ini.

"Pada hari raya korban ini kita patut membuat pengakuan kesalahan kita itu supaya kita dapat membersihkan nama Allah dan agama Islam," ujarnya.